

# Pembedahan Caesarean Elektif

(Elective Caesarean Section)

OG03 v2 - Tamat tempoh akhir Februari 2024

## Maklum balas

Untuk mendapatkan maklumat lanjut, layari laman web [www.aboutmyhealth.org](http://www.aboutmyhealth.org)  
Hubungi kami di [www.patientfeedback.org](http://www.patientfeedback.org) dan maklumkan sama ada maklumat ini berguna

[eidohealthcare.com](http://eidohealthcare.com)



## Apakah itu pembedahan Caesarean elektif?

Pembedahan Caesarean ialah prosedur untuk melahirkan bayi melalui pembedahan. Elektif bermaksud pembedahan ini dirancang sebelum kelahiran.

Pakar obstetrik (pakar bedah yang mengkhusus dalam kelahiran bayi) telah mengesyorkan supaya anda melahirkan bayi anda melalui pembedahan Caesarean. Walau bagaimanapun, anda yang akan membuat keputusan sama ada untuk meneruskan pembedahan atau tidak.

Dokumen ini akan memberikan maklumat tentang kebaikan dan risiko untuk membantu anda membuat keputusan berdasarkan maklumat yang betul. Jika anda mempunyai sebarang soalan yang jawapannya tiada dalam dokumen ini, tanya pakar obstetrik atau pasukan penjagaan kesihatan.

## Mengapakah saya memerlukan pembedahan Caesarean?

Berikut ialah sebab-sebab biasa pembedahan Caesarean mungkin disarankan.

- Kedudukan bayi anda bukan dalam keadaan kepala ke bawah iaitu songsang (bahagian punggung atau kaki dahulu).
- Bayi anda tidak membesar dengan sempurna atau dalam kecemasan.
- Plasenta berada di hadapan bayi dan menutupi serviks sepenuhnya atau sebahagiannya, lalu menghalang kelahiran normal (plasenta previa).
- Anda pernah menjalani pembedahan Caesarean sebelum ini.
- Anda mengalami kehamilan berbilang (contohnya, kembar).
- Anda mempunyai komplikasi kehamilan tertentu yang membuatkan pembedahan Caesarean diutamakan berbanding kelahiran normal.
- Plasenta terlalu melekat pada uterus (rahim) anda dan tidak akan tanggal secara semula jadi. Anda berkemungkinan memerlukan histerektomi untuk membuang rahim anda sejurus selepas pembedahan Caesarean anda.
- Anda mengalami masalah kesihatan seperti tekanan darah tinggi atau diabetes.

Pakar obstetrik akan berbincang dengan anda tentang sebab-sebab pembedahan Caesarean disyorkan kepada anda.

Dalam kes anda, pembedahan Caesarean merupakan kaedah kelahiran yang paling selamat untuk anda dan juga bayi anda. Kadangkala, pembedahan Caesarean ialah satu-satunya kaedah kelahiran yang selamat, contohnya, jika anda mengalami plasenta previa.

## Adakah terdapat sebarang alternatif kepada pembedahan Caesarean?

Alternatif lain ialah kelahiran normal atau kelahiran cetusan (ubat digunakan untuk mencetuskan kelahiran) diikuti oleh kelahiran secara normal.

Jika anda bimbang atau mempunyai sebarang soalan tentang sebab pembedahan Caesarean disyorkan kepada anda dan bukannya kelahiran secara normal, anda harus membincangkan perkara ini dengan lebih teliti bersama pakar obstetrik anda.

## Bagaimanakah pembedahan dilakukan?

Pasukan penjagaan kesihatan akan melakukan beberapa semakan untuk memastikan anda menjalani pembedahan yang betul. Anda boleh membantu dengan mengesahkan nama anda dan pembedahan yang akan anda jalani kepada pakar obstetrik dan pasukan penjagaan kesihatan.

Hampir semua pembedahan Caesarean dijalankan dengan menggunakan anestesia sebahagian (sama ada anestesia spina atau epidura). Ini bermakna anda akan sedar dan dapat melihat bayi anda serta dapat bersentuhan 'kulit dengan kulit' sebaik sahaja bayi anda dilahirkan. Peneman kelahiran anda juga dapat berada bersama anda.

Pakar bius akan membincangkan pilihan ini dengan anda. Anda juga akan diberikan suntikan anestesia setempat untuk mengurangkan kesakitan selepas pembedahan.

Pakar obstetrik akan memberi anda antibiotik sejurus sebelum pembedahan Caesarean untuk mengurangkan risiko jangkitan.

Pembedahan biasanya mengambil masa kurang daripada sejam.


Pakar obstetrik akan meletakkan kateter (tiub) di pundi kencing untuk membantu anda membuang air kecil. Kateter ini biasanya dikeluarkan keesokan paginya.

Pakar obstetrik akan membuat belahan melintang di bahagian bawah pada garis 'bikini' anda. Mereka akan memisahkan otot dinding abdomen dan membuka uterus (rahim) anda. Pakar obstetrik akan mengeluarkan bayi anda melalui potongan tersebut.

Pakar obstetrik mungkin memasukkan salir (tiub) pada luka anda untuk mengalirkan cecair yang kadangkala terkumpul. Salir ini biasanya dikeluarkan keesokan harinya.

Selepas kelahiran, mereka akan membaiki rahim dan abdomen anda.

Anda boleh menyusui bayi anda sejurus selepas pembedahan.



Pembedahan Caesarean

Seorang bidan akan sentiasa bersama anda sepanjang pembedahan dan pakar pediatrik (dokter pakar bayi dan kanak-kanak) akan memeriksa bayi anda selepas kelahiran.

## Apakah yang harus saya lakukan tentang ubat saya?

Teruskan pengambilan ubat biasa anda melainkan diarahkan sebaliknya oleh doktor.

## Apakah yang boleh saya lakukan untuk memastikan pembedahan berjaya?

Jika anda merokok, berhenti merokok sekarang. Merokok semasa anda mengandung boleh membahayakan bayi anda yang belum lahir. Merokok selepas bayi anda dilahirkan akan menimbulkan risiko kepada kesihatan anak anda sepanjang zaman kanak-kanaknya. Berhenti merokok beberapa minggu atau lebih awal sebelum pembedahan boleh mengurangkan risiko komplikasi dan meningkatkan kesihatan jangka panjang anda.

Senaman yang kerap boleh membantu anda bersedia untuk pembedahan, membantu anda pulih dan meningkatkan kesihatan jangka panjang anda. Bersenam semasa anda mengandung akan membuat anda berasa dan kelihatan lebih sihat. Senaman akan membantu otot, jantung dan paru-paru anda bersedia untuk kelahiran dan kelahiran bayi anda. Sebelum anda mula bersenam, dapatkan nasihat daripada pasukan penjagaan kesihatan atau pengamal perubatan umum (GP) anda.

Anda boleh mengurangkan risiko jangkitan pada luka pembedahan.

- Seminggu sebelum pembedahan, elakkan mencukur atau menyapu wax di bahagian yang akan dibuat belahan.
- Cuba mandi sama ada sehari sebelum atau pada hari pembedahan dijalankan.
- Sentiasa kekalkan kehangatan badan sekitar waktu pembedahan. Beritahu pasukan penjagaan kesihatan sekiranya anda berasa sejuk.

## Apakah komplikasi yang boleh berlaku?

Pasukan penjagaan kesihatan akan cuba menjalankan pembedahan seselamat yang mungkin tetapi komplikasi boleh berlaku. Sesetengah komplikasi ini serius malah boleh menyebabkan kematian. Anda harus bertanya doktor anda jika terdapat perkara yang tidak anda fahami. Sebarang angka yang berkaitan dengan risiko adalah daripada kajian terhadap wanita yang pernah menjalani pembedahan ini. Doktor anda akan memaklumkan sama ada risiko komplikasi adalah lebih tinggi atau lebih rendah untuk anda.

Pakar bius akan berbincang dengan anda tentang kemungkinan komplikasi penggunaan anestesia.

## Komplikasi umum bagi sebarang pembedahan

- Kesakitan. Pasukan penjagaan kesihatan akan memberi anda ubat untuk mengawal kesakitan dan anda mesti mengambilnya seperti yang diarahkan agar anda boleh bergerak seperti yang dinasihatkan.
- Pendarahan semasa atau selepas pembedahan. Jika anda mengalami pendarahan yang banyak (risiko: kurang daripada 8 dalam 100), anda mungkin memerlukan pemindahan darah.
- Jangkitan di tempat pembedahan (luka) (risiko: kurang daripada 10 dalam 100). Anda biasanya boleh mandi dengan selamat selepas 2 hari tetapi anda harus merujuk pasukan penjagaan kesihatan. Beritahu pasukan penjagaan kesihatan jika suhu badan anda tinggi, terdapat nanah pada luka anda atau jika luka anda menjadi merah, sakit atau pedih. Jangkitan biasanya sembuh dengan antibiotik tetapi anda mungkin memerlukan pembedahan lain.
- Parut hodoh pada kulit anda, walaupun luka pembedahan Caesarean biasanya sembuh dengan sempurna.
- Pembentukan hernia pada parut, yang disebabkan oleh lapisan otot di bahagian dalam yang tidak sembuh. Hernia ini kelihatan seperti bonjol atau rekah yang dipanggil hernia insisi. Jika keadaan ini mendatangkan masalah, anda mungkin memerlukan satu pembedahan lagi.

- Darah beku di kaki (trombosis vena dalam – DVT) (risiko: 7 dalam 1,000). Ini akan menyebabkan kesakitan, bengkak dan kemerahan di kaki, atau vena berdekatan permukaan kaki anda kelihatan lebih besar daripada biasa. Pasukan penjagaan kesihatan akan menilai risiko anda. Mereka akan menggalakkan anda untuk bangkit dari katil secepat selepas pembedahan dan mungkin memberikan suntikan, ubat atau sarung kaki khas untuk dipakai. Beritahu pasukan penjagaan kesihatan dengan segera jika anda berpendapat anda mungkin mengalami DVT.

- Darah beku di dalam paru-paru (embolus pulmonari), jika darah beku bergerak melalui aliran darah ke paru-paru anda. Jika anda sesak nafas, berasa sakit di dada atau di bahagian atas belakang atau jika anda batuk darah, segera beritahu pasukan penjagaan kesihatan. Jika anda di rumah, hubungi ambulans atau pergi ke jabatan Kecemasan terdekat dengan segera.

## Komplikasi khusus bagi pembedahan ini

- Jangkitan di dalam rahim anda (endometritis) (risiko: 1 dalam 70).

- Kerosakan pundi kencing, memandangkan pundi kencing anda berada berdekatan dengan rahim dan perlu ditolak ke tepi (risiko: kurang daripada 2 dalam 1,000). Risikonya adalah lebih tinggi jika anda pernah menjalani pembedahan Caesarean sebelum ini disebabkan parut di tempat pundi kencing melekat pada rahim.

- Pendarahan yang banyak. Ini merupakan komplikasi yang serius. Pakar obstetrik mungkin terpaksa membuang rahim anda (risiko: kurang daripada 1 dalam 100).

- Calar kecil pada kulit bayi, apabila pakar obstetrik membelah rahim anda. Kadangkala calar tersebut mungkin terdapat pada muka bayi anda (risiko: 2 dalam 100). Ini biasanya tidak memerlukan sebarang rawatan.

- Kesukaran bernafas pada bayi anda (takipnea sementara) apabila bayi mengambil masa yang lebih lama daripada biasa untuk mengeluarkan cecair daripada paru-paru mereka (risiko: 6 dalam 1,000). Bayi anda mungkin dimasukkan ke Unit Rawatan Khas Bayi sehingga cecair dikeluarkan sepenuhnya. Jika anda menjalani pembedahan Caesarean sebelum 39 minggu, pakar obstetrik mungkin mengesyorkan suntikan steroid untuk mengurangkan risiko ini.

## Bilakah saya akan kembali seperti sediakala?

### Di hospital

Selepas pembedahan, anda akan dipindahkan ke ruang pemulihan sebelum dihantar ke wad.

Anda akan diberikan cecair melalui drip (tiub kecil) dalam vena pada lengan anda. Anda mungkin diberikan ubat melalui drip, untuk membantu rahim anda mengecut.

Pasukan penjagaan kesihatan akan menggalakkan anda untuk bangun dan bergerak secepat mungkin selepas pembedahan.

Bergantung pada jumlah kehilangan darah anda, pasukan penjagaan kesihatan akan memeriksa kiraan darah anda. Secara purata, wanita kehilangan kira-kira setengah liter darah. Anda mungkin memerlukan dos ferum melalui drip (infusi) sebelum anda pulang ke rumah atau mengambil tablet ferum selama beberapa minggu.

Anda boleh pulang ke rumah apabila pakar obstetrik anda berpendapat bahawa anda sudah cukup sihat, biasanya selepas 1 hingga 3 hari.

Jika anda bimbang tentang apa-apa perkara, sama ada di hospital atau di rumah, hubungi pasukan penjagaan kesihatan. Mereka dapat meyakinkan anda atau mengenal pasti dan merawat sebarang komplikasi.

## Kembali melakukan aktiviti normal

Untuk mengurangkan risiko darah beku, pastikan anda mengikut arahan pasukan penjagaan kesihatan dengan berhati-hati jika anda diberikan ubat atau perlu memakai sarung kaki khas.

Pakar obstetrik dan pasukan penjagaan kesihatan akan memberitahu masa anda boleh kembali melakukan aktiviti biasa. Pada beberapa hari pertama, anda memerlukan banyak bantuan di rumah supaya anda mempunyai masa untuk sembuh dan meluangkan masa dengan bayi anda yang baru dilahirkan.

Pada 2 minggu pertama, kurangkan membuat kerja lain kecuali menjaga bayi anda. Anda boleh menambahkan kerja yang dilakukan secara beransur-ansur.

Pendarahan biasanya berlanjutan selama 2 hingga 4 minggu. Gunakan tuala wanita, bukan tampon.

Jangan angkat benda yang berat atau lakukan senaman berat, seperti memvakum atau menggosok pakaian, selama 6 minggu. Jangan tolak, tarik atau angkat sesuatu yang lebih berat daripada bayi anda pada masa ini.

Jangan lakukan hubungan kelamin sehingga anda berasa selesa untuk berbuat demikian.

Jangan memandu sehingga anda berasa yakin dapat mengawal kenderaan anda. Sebagai panduan, ini biasanya mengambil masa kira-kira 4 hingga 6 minggu. Semak polisi insurans dan rujuk doktor anda.

## Masa hadapan

Kebanyakan wanita mengambil masa kira-kira 3 bulan untuk sembuh daripada pembedahan.

Anda harus menunggu sehingga anda bersedia dari segi fizikal dan emosi sebelum merancang untuk hamil sekali lagi. Pakar obstetrik anda mungkin menyarankan agar anda menunggu sekurang-kurangnya setahun sebelum hamil sekali lagi.

## Ringkasan

Pembedahan Caesarean ialah pembedahan yang lazim dan biasanya merupakan kaedah kelahiran yang selamat untuk anda dan bayi anda.

Walau bagaimanapun, komplikasi boleh berlaku. Anda perlu tahu tentang komplikasi untuk membantu anda membuat keputusan tentang pembedahan berdasarkan maklumat yang betul. Masalah boleh dikesan dan dirawat lebih awal jika anda mengetahui tentang komplikasi.

Simpan dokumen maklumat ini. Gunakan maklumat ini untuk membantu anda jika anda perlu berbincang dengan pasukan jagaan kesihatan.

Sesetengah maklumat, seperti statistik risiko dan komplikasi, diambil daripada kajian dan/atau pangkalan data global. Dapatkan maklumat lanjut berkenaan risiko yang khusus untuk anda daripada pakar bedah atau doktor anda.

Dokumen ini disediakan untuk tujuan maklumat sahaja dan tidak harus menggantikan nasihat yang akan diberikan kepada anda oleh pasukan jagaan kesihatan yang berkaitan.

### Penghargaan

Penyemak: Brian Fleck (MD, RCOphth)  
Ilustrator: Medical Illustration Copyright ©  
Nucleus Medical Art. Hak cipta terpelihara.  
[www.nucleusinc.com](http://www.nucleusinc.com)